

INOVASI PERKHIDMATAN

PUSAT PEMBANGUNAN TEKNOLOGI EM DVS SELANGOR

Jabatan Perkhidmatan Negeri (DVS) Negeri Selangor telah mengenalpasti teknologi EM sebagai salah satu teknologi yang mampu meningkatkan kualiti penternakan di Negeri Selangor. Justeru itu, Jabatan telah membina sebuah pusat pembangunan teknologi EM di Pusat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Kuala Langat bertujuan untuk mengembangkan pemahaman penternak dalam mengamalkan penternakan lestari dengan menggunakan teknologi EM. Pembangunan pusat pembangunan teknologi ini berfungsi sebagai premis pembuatan produk EM dan pusat latihan untuk aplikasi teknologi mesra alam berkaitan. Melalui pembangunan pusat ini, DVS Selangor mensasarkan premis ini untuk menjadi pusat pengembangan teknologi yang berasaskan orientasi mesra alam yang tidak terhad kepada teknologi EM sahaja. Justeru itu, diharapkan ia mampu menjadi rujukan kepada warga DVS Selangor dan penternak Negeri Selangor untuk memperkasa industri penternakan ke arah penternakan lestari di masa hadapan.

Faedah Inovasi

1. Menjadi pusat latihan kepada kakitangan dan penternak bagi memberi pemahaman berkenaan teknologi EM dan teknologi mesra alam yang lain.
2. Membantu penternak untuk mendapatkan bekalan produk EM secara berterusan pada harga mampu beli.
3. Menjadi pusat kajian bagi mengkaji keberkesanan penggunaan teknologi mesra alam yang digunakan.

Ahli Kumpulan

1. Dr. Hamdan Bin Mohamed Hadi
2. En. Mohd Asmawi Bin Mohd Tayid
3. En. Mat Suhkor Bin Sulaiman

DR. HAMDAN BIN MOHAMED HADI

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
Tel.: 03-55103900 (Pejabat); 019-6034032 (Bimbit)

Emel: hamdan@dvssel.gov.my



